



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN  
PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA  
DI BAWAH KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
(MOSTI), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)**

## **6 RUMUSAN PAC PARLIMEN**

PAC merumuskan perkara-perkara berikut:

- 6.1 Urusan perolehan vaksin telah dilaksanakan secara teratur mengikut tatacara kewangan yang dibenarkan MOF. PAC berpuas hati dengan harga perolehan vaksin daripada pelbagai portfolio oleh Kerajaan yang didapati adalah munasabah. Walau bagaimanapun, PAC mendapati harga premium (peningkatan antara 16.78% - 18.12%) perlu dibayar oleh Kerajaan dalam pembelian sebahagian Vaksin Sinovac – *Finished Product*, antaranya akibat kelewatan Pharmaniaga dalam penghantaran pada bulan April, Mei dan Jun 2021 dan juga atas keperluan mendesak dalam tempoh tersebut. PAC berpendapat Kerajaan

harus berpegang kepada harga yang sama seperti yang termaktub dalam perjanjian awal;

- 6.2 PAC berpuas hati dengan koordinasi antara MOSTI, KKM, MOF dan agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam PICK;
- 6.3 Disebabkan sumber kewangan yang terhad, Kerajaan tidak mampu untuk meletakkan wang tempahan (*strategic bet*) kepada syarikat-syarikat pengeluar untuk tempahan awal tanpa maklumat klinikal. Ini merupakan salah satu faktor Malaysia tidak mendapat pembekalan vaksin dengan lebih cepat. Proses perolehan vaksin bertambah proaktif dengan penubuhan JKJAV pada bulan Oktober 2020;
- 6.4 Penghantaran vaksin oleh syarikat pengeluar vaksin yang tidak menepati jadual juga telah menyumbang kepada ketidaktentuan dan kelewatan janji temu pemvaksinan;
- 6.5 Tatacara khusus perolehan Kerajaan berkaitan Covid-19 oleh MOF kepada KKM dan MOSTI termasuk penurunan kuasa kepada Lembaga Perolehan Kementerian untuk memuktamadkan perolehan telah membantu dalam mengurangkan birokrasi dan mempertingkatkan kecekapan pelaksanaan peranan Kementerian;
- 6.6 Penggunaan dana KWAN bagi tujuan perolehan vaksin adalah selaras dengan objektif penubuhan KWAN tertakluk kepada perbelanjaan yang berhemah. Walaubagaimanapun, PAC mendapati jumlah peruntukan RM3 bilion untuk Kumpulan Wang

Covid-19 (KWC) yang diumumkan oleh MOF semasa pembentangan Belanjawan 2021 tidak diambil kira dalam keseluruhan anggaran perbelanjaan berjumlah RM322.5 bilion dalam Belanjawan 2021;

- 6.7 Harga penjualan Vaksin Sinovac dalam *Private Vaccine Market* adalah tinggi;
- 6.8 Mengambil maklum jawapan Perdana Menteri dalam Parlimen bahawa Kerajaan akan mula membuat bayaran untuk penggunaan aplikasi MySejahtera mulai April 2021, walaupun pada asalnya aplikasi MySejahtera adalah dibangunkan secara *Corporate Social Responsibility* (CSR). PAC berpandangan konsep CSR telah digunakan sebagai suatu mekanisma untuk mendapatkan projek Kerajaan tanpa melalui prosedur perolehan yang sepatutnya.

## **7 SYOR PAC PARLIMEN**

Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- 7.1 Kerajaan perlu memastikan setiap kementerian yang bertanggungjawab dalam memerangi pandemik COVID-19 menggunakan peruntukan RM5.8 bilion dengan mematuhi segala tatacara kewangan semasa yang berkuatkuasa demi memastikan keutamaan kepada kepentingan dan kesejahteraan rakyat;

- 7.2 Kerajaan perlu mengambil tindakan proaktif dalam memuktamadkan pembelian vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak (5-11 tahun) termasuk meletakkan wang tempahan (*strategic bet*) sekiranya perlu, untuk menjamin penghantaran vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak tidak akan terlewat;
- 7.3 Kerajaan perlu memastikan kelestarian dana KWAN demi menjamin kesejahteraan generasi akan datang. MOF perlu memastikan segala perbelanjaan Kerajaan diambil kira dalam anggaran belanjawan negara dengan jelas setiap tahun;
- 7.4 Kerajaan perlu menetapkan harga siling Sinovac yang dijual dalam *Private Vaccine Market* dengan segera dan memastikan harga siling tersebut tidak memberikan keuntungan melampau kepada pembekal; dan
- 7.5 Kerajaan tidak harus membuat bayaran untuk penggunaan aplikasi MySejahtera kerana pembangunannya adalah bersifat CSR. Kerajaan hendaklah mengambil alih pengoperasian aplikasi MySejahtera tanpa melibatkan apa-apa kos tambahan memandangkan ia telah menjadi sebahagian daripada sistem kesihatan negara.